

# Lawatan amat berjaya – PM

UM - 20/4/2007

Daripada MOHD KAMIL YUSUFF

**NAIROBI** 19 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menamatkan lawatan rasmi tiga harinya ke Kenya hari ini menyifatkan ia sebagai amat berjaya dalam usaha mengaktifkan hubungan dua hala pelbagai bidang khususnya ekonomi, pendidikan, pembangunan infrastruktur dan pelancongan.

Perdana Menteri yang akan memulakan lawatan kerjanya ke Namibia bermula hari ini menegaskan, yang penting bagi kedua-dua negara sekarang ialah melaksanakan semua perkara yang telah diujukan itu supaya ia benar-benar memberi faedah dan membawa kejayaan.

Sehubungan itu, katanya, Suruhanjaya Bersama dan Jawatankuasa Perdagangan yang akan ditubuhkan nanti diharap dapat memainkan peranan meningkatkan perdagangan dan hubungan kerjasama yang telah dipersetujui bersama.

"Saya yakin semua program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik dan akan membawa kejayaan serta manfaat kepada kedua-dua negara dan ahli perniagaan," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri jamuan makan malam dihoskan oleh Presiden Kenya, Mwai Kibaki bagi meraikan lawatannya ke negara ini.

Sebelum itu, pada sebelah pagi, selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Kibaki, Abdullah mengumumkan persetujuan kedua-dua buah negara menubuhkan jawatankuasa bersama itu bagi mengendali dan melaksanakan pelbagai perkara yang telah dipersetujui.

Sebagai permulaan, dua memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani iaitu mengenai Kerjasama Saintifik dan Teknologi serta Perancangan dan Pelaksanaan Projek Jalan Raya.

Antara projek jalan raya yang berpotensi diceburi oleh usahawan Malaysia ialah Jalan Voi-Mwate-Taveta sejauh 110 kilometer (km) termasuk usaha baik pulih yang kesemuanya bernilai AS\$36 juta (RM123.6 juta), Jalan Kisumu-Kakamega-Kitale sejauh 151km bernilai AS\$45 juta (RM154.5 juta), dan Jalan Isiolo-Moyale (136km) bernilai AS\$100 juta (RM343.5 juta).

Sementara itu, ketika berucap pada majlis makan malam itu, Perdana Menteri menekankan kepentingan penglibatan dan peranan sektor swasta dalam pelaksanaan pembangunan kedua-dua buah negara.



ABDULLAH Ahmad Badawi diperkenalkan oleh Mwai Kibaki (kiri) kepada barisan kepimpinan Kenya semasa menghadiri Jamuan Negara di Rumah Negeri di Nairobi, semalam.

- Bernama

**Saya yakin semua program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik dan akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara**

ABDULLAH AHMAD  
BADAWI  
Perdana Menteri

"Potensi sangat besar jika sektor swasta kedua-dua buah negara boleh bekerja dalam semangat kerjasama yang sebenar-benarnya," ujarnya.

Abdullah juga menarik perhatian mengenai dasar Malaysia menggalakkan usahawannya melangkah lebih jauh melampau sempadan negara dan meneroka peluang-peluang baru dengan formula menang-menang.

Sehubungan itu, katanya Malaysia dan

Kenya boleh memberi sokongan kepada objektif ini dengan berusaha mewujudkan Perjanjian Perdagangan Dua Hala antara kedua-dua buah negara.

Bagi pihak swasta pula, katanya, mereka boleh memberi sokongan kepada usaha kerajaan itu dengan mewujudkan Majlis Perdagangan Malaysia-Kenya untuk meningkatkan bukan sahaja perdagangan pada masa depan, tetapi juga aktiviti pelaburan.

Di bidang pendidikan pula, Abdullah mencadangkan supaya usahawan Malaysia melabur modal dalam infrastruktur bagi program berkembar dengan mewujudkan kampus cadangan di negara ini.

Dalam pada itu, Abdullah turut memperlawa rakyat Kenya untuk datang melawat dan melihat sendiri keindahan alam semula jadi Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.

- Utusan  
KEPIMPINAN  
PERDANA